

Bekalan air masih cukup

Georgetown: Bekalan air di Pulau Pinang masih cukup untuk menampung keperluan domestik walaupun tiga empangan utama di negeri ini mencatatkan penyusutan bekalan.

Ketua Pegawai Eksekutif, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP), Datuk Jaseni Maidinsa, berkata paras air di tiga empangan di negeri ini mencatatkan penurunan namun tidak ketara, selain bacaannya masih pada paras stabil.

Beliau berkata, keadaan itu berlaku berikutan kurang menerima hujan berikutan fenomena El Nino yang berlaku masa ini.

“Empangan Mengkuang mencatatkan bacaan 92.9 peratus, manakala Empangan Air Itam (78.3 peratus) dan Empangan Teluk Bahang (74 peratus).

“Selain itu, PBAPP juga sudah merangka pelan tindakan luar jangka bagi menangani masalah penurunan empangan air di negeri ini,” katanya menerusi satu kenyataan media di sini, semalam.

Sebelum ini, Pulau Pinang dikatakan berkemungkinan berhadapan krisis air pertama dalam sejarah negeri ini, susulan kapasiti Empangan Air Itam yang dipercayai hanya mampu bertahan selama 75 hari lagi.